

1051- STRATEGI MENGURANGKAN KEHAMILAN REMAJA DI LUAR PERKAHWINAN MELALUI PEMERKASAAN PENDIDIKAN DAN NGO

KHAIRUL AMRI ISMAIL

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam
21po1004@siswa.unissa.edu.bn

IBNOR AZLI BIN IBRAHIM

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam
azli.ibrahim@unissa.edu.bn

HANAN BINTI PEHIN DATO HAJI ABDUL AZIZ

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam
hanan.aziz@unissa.edu.bn

ABSTRAK

Kehamilan remaja di luar perkahwinan merupakan isu sejagat dan sangat membimbangkan. Masalah sosial yang dibimbangi ini turut berlaku dalam kalangan remaja Islam, sementara kes hamil di luar perkahwinan dari sudut syarak dikategorikan sebagai kes persetubuhan haram yang diancam dengan pembalasan had ataupun ta'zir jika tidak sabit had. Kajian ini bertujuan mengetengahkan strategi yang dapat digunakan sebagai garis panduan dalam mengurangkan kes remaja hamil di luar perkahwinan melalui pemerksaan pendidikan. Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan tujuan daripada kajian ini ialah pendekatan kualitatif dan menggunakan sorotan literatur sebagai kaedah pengumpulan data. Penyelidikan ini dijalankan di Brunei Darussalam serta merujuk kepada kes-kes yang berlaku di Malaysia dan Indonesia. Kajian mendapati tiga skop pendidikan yang perlu diperkasakan untuk membendung kes hamil di luar perkahwinan dalam kalangan remaja, antaranya ialah memperkasakan pendidikan dalam institusi keluarga, memperkasakan pendidikan di tempat pengajian dan memperkasakan pertubuhan bukan kerajaan yang bergerak dalam bidang pembangunan remaja. Manakala cadangan yang boleh digunakan untuk mengurangkan isu kehamilan remaja ialah memperkasakan pendidikan akhlak, pendidikan kesihatan, pendidikan bahaya seks bebas bersamaan membincangkan risiko dari sudut syarak dan undang-undang berkaitan pelanggaran jenayah dalam kalangan remaja.

Kata Kunci: *Kehamilan Remaja, Pendidikan*

PENGENALAN

Isu kehamilan dalam kalangan remaja merupakan fenomena yang sudah lama wujud sejak dahulu lagi sehingga ianya sekarang menjadi perbincangan di peringkat antarabangsa. Kehamilan di luar perkahwinan dikenali sebagai kehamilan akibat persetubuhan antara lelaki dan perempuan di luar hubungan yang sah menurut agama dan undang-undang (Jolley S. 2001). Persetubuhan yang tidak sah dari sudut syarak dikenali sebagai persetubuhan haram dan telah melakukan kesalahan jenayah (Siti Zubaidah Ismail, 2017). Menurut *United Nations Population Fund* (UNFPA) kehamilan remaja ialah kehamilan yang berlaku bagi remaja perempuan yang belum mencapai usia dewasa (United Nations Population Fund, 2015). Sementara menurut *World Health Organization* (WHO), kehamilan remaja lebih tinggi berlaku dalam kalangan remaja yang kurang pendidikan dan status ekonomi rendah. Setiap tahun dianggarkan seramai 21 juta remaja berumur 15-19 tahun di kawasan membangun

hamil di luar perkahwinan dan kira-kira 12 juta daripada mereka melahirkan anak (WHO, 2023).

Keadaan tersebut di atas menunjukkan bahawa pada zaman moden ini remaja sedang mengalami kerosakan akhlak dan sosial, ini boleh meruntuhkan maruah keluarga, masyarakat dan negara. Menurut syarak, kerosakan akhlak dan sosial seperti seks bebas dan kehamilan luar perkahwinan adalah telah melanggar firman Allah S.W.T tentang larangan mendekati zina dalam surah *Al-Isra'* ayat 32 dan telah mengabaikan perintah Allah tentang menjaga pandangan daripada pelbagai perkara yang dilarang oleh syarak, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam *Al-Qur'an* surah *An-Nur* ayat 30 dan 31. Ini bermakna menundukkan pandangan daripada yang haram dan menutup aurat adalah amat penting, kerana kedua-dua ini adalah punca utama timbulnya syahwat dalam kalangan remaja sehingga membawa kepada tingkah laku seksual. Ayat tersebut di atas juga mengisyaratkan bahawa memberikan pendidikan, maklumat serta bimbingan kepada remaja tentang cara menjaga keselamatan daripada pengaruh negatif pada zaman moden ini adalah amat penting.

Oleh itu, memperkasakan pendidikan terhadap remaja adalah tugas bersama, malahan sesetengah negara menggunakan kebajikan dan keselamatan remaja sebagai ukuran kemajuan negara. Maka isu remaja hamil di luar perkahwinan mesti mendapatkan perhatian yang serius daripada pelbagai pihak sama ada ibu bapa, masyarakat, kerajaan mahupun NGO dan diselesaikan dengan cara yang layak untuk menambahbaik keadaan kehidupan remaja di seluruh dunia.

KAEDAH KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan menggunakan sorotan literatur sebagai pengumpulan data. Penyelidikan ini dijalankan di Brunei Darussalam serta merujuk kepada kes-kes yang berlaku di Malaysia dan Indonesia.

SOROTAN LITERATUR

Kebajikan dan keselamatan remaja merupakan perkara yang amat penting memandangkan kehidupan manusia yang semakin kompleks dalam era globalisasi ini. Sesetengah Negara menjadikan kebajikan dan keselamatan remaja sebagai ukuran kemajuan Negara. Tetapi kebelakangan ini didapati ramai remaja telah mengalami pelbagai perubahan negatif atau kerosakan sosial seperti pergaulan bebas, khalwat, seks bebas, rogol dan zina yang membawa kepada hamil di luar perkahwinan. Kes remaja hamil di luar perkahwinan tertinggi di dunia ialah di kawasan Amerika Latin dan Caribbean dan sub-Sahara Afrika. Kawasan ini didapati seramai 99.4 dan 52.1 kelahiran bagi setiap 1000 remaja (United Nation, 2019). Setiap tahunnya dianggarkan seramai 21 juta remaja berusia 15-19 tahun di kawasan membangun hamil di luar perkahwinan dan kira-kira 12 juta daripada mereka melahirkan anak (Sully, *et al*, 2020).

Kerosakan sosial yang sangat membimbangkan ini telah pun berlaku dalam kalangan remaja di Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia. Buktinya pada tahun 2015 didapati seramai 62 kes remaja hamil di luar perkahwinan di Brunei Darussalam dan 61 kes pada tahun 2016 (Azizah Mat Rashid, *et al*, 2021). Dan sangat mengejutkan kes ini meningkat menjadi 200 kes pada tahun 2017 dan juga terjadi peningkatan menjadi 232 kes pada tahun 2021 (Borneo Bulletin, 2022). Walau bagaimanapun statistik ini hanya antara kes yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Sementara Pejabat Pendaftaran Kebangsaan Brunei Darussalam mencatatkan seramai 4,489 anak damit yang lahir di luar perkahwinan antara 2011 hingga

2021 dan sangat mengejutkan seramai 3,216 orang daripada jumlah itu merupakan orang Melayu Islam (Mas Nooraini *et al*, 2022).

Manakala di Malaysia, didapati seramai 41,083 kes kehamilan remaja, di mana 14.561 daripada jumlah itu adalah hamil di luar perkahwinan antara 2017 hingga 2022. Ini setara dengan 830 kes kehamilan remaja setiap bulannya atau berjumlah sekitar 28 kes dalam sehari. Manakala negeri bagian teratas di Malaysia dengan jumlah kehamilan remaja di luar nikah tertinggi dari 2017 hingga 2020 adalah Sarawak 4.869, Johor 1.883, Selangor 1.768, Sabah 1.501, dan Perak 1.151 (Konteks, 2023). Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan seramai 4.000 remaja di bawah umur 18 tahun hamil di luar perkahwinan di setiap tahunnya (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023).

Kajian mendapati bahawa kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja di Malaysia ialah sebab kurang perapatan ibu bapa dan kurang mengambil perhatian terhadap estim diri (Nor Jumawaton, *et al*, 2017). Selain itu, antara faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual ialah kerana percintaan dan kerelaan sendiri, mangsa rogol, menonton video dan filem porno, kelemahan institusi keluarga, konflik dalam keluarga, kejahilan dan pengabaian amalan beragama, pengaruh rakan sebaya, pengambilan pil khayal dan penglibatan dalam perlumbaan haram (Mariam Abd. Majid, *et al*, 2019). Manakala kesan daripada kehamilan di luar perkahwinan itu adalah mereka sukar untuk menyesuaikan diri dan menghadapi banyak masalah dan banyak isu mencabar yang berkaitan dengan kehamilan yang tidak diingini termasuk krisis keluarga, stress, masalah kewangan, gangguan pendidikan dan gangguan daripada bekas teman lelaki (Salina Nen & Farah Hidayah Hashim, 2020).

Sementara di Indonesia, Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional mencatatkan remaja berumur 10-24 tahun di seluruh Indonesia pada tahun 2020 berjumlah 67 juta remaja, di mana 670,000 remaja perempuan daripada jumlah ini telah melakukan hubungan seks di luar perkahwinan (BKKBN, 2021). Kes kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja di Indonesia berlaku sangat ramai dan menimbulkan kebimbangan, seperti yang direkodkan oleh Mahkamah Tinggi Agama Semarang, bahawa seramai 11,392 remaja di bawah umur 18 tahun memohon berkahwin sepanjang 2022, di mana kebanyakannya berpunca daripada kehamilan di luar perkahwinan (DPR-RI, 2023).

Manakala punca kehamilan remaja di Indonesia ialah kerana kurang pengetahuan tentang bahaya seks luar perkahwinan, ingin mencuba seks, gaya hidup, kurang kawalan diri, kurang pengamalan agama, pengaruh media internet, kurang kawalan ibu bapa, kerusakan sosiobudaya dan norma (Putri, *et al*, 2021). Pernyataan ini juga disokong oleh Ramini, *et al* (2022). Remaja yang hamil di luar perkahwinan di Indonesia seringkali tersisih, penolakan dari rakan sebaya dan masyarakat kerana dianggap membawa pengaruh buruk bagi mereka, kurang mendapatkan fasilitas kesihatan (Fatimah & Wuri, 2022).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Remaja Hamil Di Luar Perkahwinan

Remaja dalam bahasa melayu ditakrif sebagai individu yang mulai dewasa atau matang, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin, bukan kanak-kanak, muda dan belia (Pusat Bahasa Depertemen Pendidikan Nasional, 2008). Manakala dalam Islam, perkataan remaja dikenali dengan perkataan *al-Murāhiq*, asalnya ialah *Rāhaqa* maknanya menghampiri akil baligh. Remaja juga disebutkan sebagai *al-Ghulām*, seperti yang disebutkan dalam surah Maryam ayat 7 dan *As-Shaffat* ayat 101 (Ahmad Warson Munawwir, 1984). Apabila dilihat dari segi umur, individu yang telah berumur 15 tahun dinyatakan telah remaja (*baligh*) sama

ada bagi lelaki mahupun perempuan (Wahbah al-Zuhaili, t.t), (Salim bin Sumair Al-Hadlrami, 2009), (Muhammad Nawawi, 2008), dan (Muhammad Umar, 2007).

Berdasarkan takrif ini, *baligh* dan remaja adalah sama, kerana *baligh* ialah tanda awal masa kanak-kanak memasuki masa remaja (Khalid ibn Salim, t.t). Walau bagaimanapun, kanak-kanak lelaki boleh dikatakan telah remaja apabila mereka telah *ihthilaam* selepas umur 9 tahun, sementara bagi perempuan adalah telah keluar *haid* ataupun hamil pada umur 9 tahun (Salim bin Sumair Al-Hadlrami, 2009) dan (Muhammad Ali al-Shabuny, 1999). Masa remaja ialah masa perubahan yang lengkap dan cepat dalam aspek jiwa, raga, minda dan merupakan masa pertumbuhan yang pesat dan usia yang menghampiri kematangan fizikal, mental, psikologi dan sosial (Iman Abu Gharbiyah, 2007). Remaja juga ditakrifkan sebagai masa pencapaian kepada penyempurnaan fungsi seksualnya, dengan pertumbuhan kelenjar seks pada kanak-kanak lelaki dan perempuan serta keupayaan mereka untuk melaksanakan fungsinya, kematangan psikologi dan sosial (Khalid ibn Salim, t.t).

Manakala kehamilan remaja dikenali sebagai kehamilan yang berlaku pada kanak-kanak perempuan antara usia 10 dan 19 (Ganchimeg T., *et al*, 2014). Hamil di luar perkahwinan ditakrifkan sebagai kehamilan yang berlaku akibat persetubuhan atau hubungan yang tidak sah menurut agama dan undang-undang (Jolley S, 2001). Hamil di luar perkahwinan menurut syarak ialah kehamilan yang disebabkan oleh perbuatan keji yang telah disepakati oleh kedua-dua pihak, dan kedua-dua pihak ini dianggap melakukan dosa besar yang berhak mendapat hukuman had mengikut hukum syarak (Ramadhan Al-Buti, 1976). Hamil di luar perkahwinan juga ditakrifkan sebagai individu yang mengandung sebelum berkahwin sebab hubungan seks di antara pasangan yang tidak mempunyai ikatan pernikahan yang sah (Mariam Abd. Majid, *et al*, 2020).

Berdasarkan pada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak perempuan dinyatakan telah remaja apabila telah sampai umur 15 tahun walaupun belum haid. Malahan, pada umur 9 tahun juga disebut telah baligh (remaja) apabila mereka telah keluar haid ataupun hamil. Manakala takrif hamil di luar perkahwinan ialah keadaan kehamilan yang berlaku di luar hubungan perkahwinan yang sah menurut syarak, sama ada berlaku pada remaja mahupun orang dewasa. Berdasarkan perbincangan tersebut, maka remaja hamil di luar perkahwinan dapat ditakrifkan sebagai suatu kehamilan yang berlaku ke atas remaja yang belum berkahwin, sama ada kehamilan itu akibat zina mahupun rogol.

Faktor Kehamilan di Luar Perkahwinan Dalam Kalangan Remaja

Fenomena kehamilan di luar perkahwinan yang telah dibincangkan sebelum ini tidak terlepas daripada pelbagai faktor yang mempengaruhinya, kerana faktor merupakan suatu sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil (Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia). Kehamilan remaja dikenali sebagai sebahagian daripada masalah yang berlaku akibat kenakalan remaja, di mana kemunculan kenakalan remaja berpunca dari keadaan persekitaran, faktor ekonomi dan psikologi remaja (Syamsudin & Sumaryono, 1998). Oleh itu, faktor kehamilan dalam kalangan remaja penting dibincangkan untuk dijadikan sebagai rujukan asas untuk membuat satu strategi yang berkesan dalam mengurangkan kes remaja hamil di luar perkahwinan ini.

Keluarga dikenalpasti sebagai pelindung bagi anak remaja dari tingkah laku seksual yang berisiko, kerana komunikasi lebih dekat dan perapatan yang dilakukan ahli keluarga serta dizahirkan melalui sikap dan tanggungjawab adalah amat berkesan dalam mengukuhkan institusi keluarga. Remaja yang mempunyai ikatan yang kuat dengan ibu bapa mereka kurang berkemungkinan membentuk ikatan dengan rakan sebaya yang terlibat dalam salah laku. Mengukuhkan institusi keluarga merupakan perkara yang amat penting bagi memastikan

semua ahli keluarga selamat, terpelihara dan sejahtera, kerana kesejahteraan sesebuah keluarga dipengaruhi oleh kekukuhan hubungan ibu bapa dan anak.

Oleh itu, kurang perapatan ibu bapa dengan remaja dapat menyebabkan penglibatan remaja dalam tingkah laku seksual yang membawa mereka kepada kehamilan di luar perkahwinan (Fitria Zuhriyatun, *et al*, 2023) (Anisa, *et al*, 2021), sehingga apabila perapatan ibu bapa dan anak semakin longgar maka peratusan kehamilan dalam kalangan remaja akan lebih tinggi (Li Ping Wong, 2012) kerana membuat anak merasa bebas melakukan apa sahaja yang diinginkannya, mencari perhatian dan kepuasan hubungan di luar rumah, terutamanya dengan rakan sebaya malahan mereka menyifatkan hubungan mereka dengan ibu bapa sangat longgar dan tidak bermakna, mereka berasa terabai dan tidak disayangi (Hizlinda T. *et al*, 2021).

Selain itu, tahap pendidikan yang rendah dan kurang pendidikan bahaya seks bebas merupakan punca berlakunya hamil di luar perkahwinan dalam kalangan remaja malahan ini merupakan punca yang paling tinggi di negara membangun (WHO, 2023) & (Asmamaw, *et al*, 2023) bersamaan juga kurang mendapatkan bimbingan (Marris R. Reyes, *et al*, 2022). Kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja juga berpunca daripada rendahnya pengetahuan tentang agama sehingga menyebabkan mereka mempunyai jati diri yang rapuh. Kurangnya penerapan nilai-nilai agama memberi kesan kepada pergaulan bebas dan mengakibatkan remaja mudah menjalinkan hubungan seks di luar perkahwinan sehingga mengakibatkan kehamilan, sementara mereka tidak bersedia untuk berumah tangga dan bertanggungjawab (Lutfiah Husaini, 2009).

Antara faktor berisiko lain yang menyumbang kepada lebih banyak kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja ialah pengaruh rakan sebaya serta sering menghabiskan masa lapang bersama rakan sebaya mereka. Pola pergaulan remaja yang menyimpang dan tidak terkawal menimbulkan pelbagai masalah antaranya kehamilan di luar perkahwinan. Remaja yang sukar mengawal nafsu menyebabkan mereka tidak memikirkan punca dan akibat yang akan berlaku sekiranya mereka melakukan perkara ini. Corak seks dalam kalangan remaja adalah berdasarkan persetujuan bersama dan keinginan untuk mencari kepuasan dalam hubungan seksual. Kajian mendapati ramai remaja mempunyai rakan yang berkelakuan berisiko, mereka menggalakkan melakukan hubungan seksual, dan mereka percaya bahawa mempunyai kekasih dan melakukan hubungan seksual adalah perkara peribadi (Khasan & Naksing, 2023).

Pada zaman moden semasa ini kemajuan teknologi yang pesat seperti media cetak, televisyen, internet, web dan media sosial dapat diakses dengan mudah dan cepat, termasuk maklumat berkaitan seks seperti bercium, berpelukan, menyentuh tangan sehingga melakukan hubungan seks tidak dinafikan dapat mempengaruhi tingkah laku seksual dalam kalangan remaja lebi-lebih lagi apabila mereka tidak ada upaya untuk mengawal diri. Kajian mendapati ramai remaja menjadikan media internet untuk mencari maklumat tentang cinta dan cara menggembirakan pasangan secara seksual (Khasan & Naksing, 2023). Oleh itu, pengaruh salah guna media internet dengan mencari web yang mengandungi maklumat seks dan ponografi menjadi punca kepada peningkatan kes kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja (Mas Nooraini *et al*, 2022) & (Anisa, *et al*, 2021).

Berdasarkan dibincangkan di atas, didapati empat faktor utama yang menjadi punca kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja antaranya ialah (1) pendidikan rendah, ini merangkumi kurang kefahaman bahaya seks bebas dan kurang pengamalan agama, (2) kurang perapatan ibu bapa, ini merangkumi kurang kawalan dan kurang bimbingan, (3) pengaruh rakan sebaya merangkumi budaya rakan sebaya, pergaulan bebas dan seks bebas,

(4) salah guna media internet bersamaan teknologi yang sangat mudah diakses terkait maklumat seks dan lucah.



Strategi Mengurangkan Kes Remaja Hamil di Luar Perkahwinan

Pelbagai salah laku remaja berpunca daripada pelbagai faktor seperti pendidikan rendah dan kurang bimbingan dan kurangnya perapatan ibu bapa, salah guna media internet, sehingga remaja tidak lagi berkelakuan seperti yang diajarkan oleh Islam. Pendidikan merupakan jantung kemakmuran suatu bangsa, di mana kemajuan masyarakat sesebuah negara bergantung kepada kualiti pendidikannya. Pendidikan sangat berperanan penting untuk membangun kualiti generasi remaja bersamaan akhlak remaja pada zaman ini sangat membimbangkan dan jauh daripada nilai-nilai agama, seperti khalwat dan pergaulan bebas hingga melakukan hubungan seks bebas yang membawa kepada hamil di luar perkahwinan dalam kalangan mereka. Merujuk kepada punca kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja yang telah dibincangkan sebelum ini, maka cara yang paling tepat untuk membendung kes ini ialah memperkasakan pendidikan akhlak dan pendidikan kesihatan dan pendidikan kepimpinan kepada remaja melalui peranan institusi keluarga, institusi pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

a. Mengurangkan Kehamilan Remaja Melalui Pemeraksanaan Pendidikan Akhlak

Akhlak yang baik ialah bahagian dari perintah Islam yang mesti ada pada setiap orang Islam dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, akhlak menjadi sangat penting bagi manusia dalam hubungannya dengan Allah dan sesama manusia. Akhlak sangat mempengaruhi kualiti keperibadian seseorang berkenaan pola berfikir, tingkah laku, minat, falsafah hidup, dan pegangan agama. Kesempurnaan peribadi seseorang akan banyak dipengaruhi oleh keadaan akhlaknya. Pendidikan akhlak pula merupakan suatu proses yang mengarahkan manusia kepada kehidupan yang lebih baik dan mengangkat derajat kemanusiaan sesuai fitrahnya. Pendidikan akhlak ialah sistem pendidikan Islam yang mempunyai komponen-komponen yang secara keseluruhannya menyokong terwujudnya tokoh muslim yang ideal. Manakala teori dalam pendidikan akhlak ialah berlandaskan Al-Quran dan Hadis (Yunahar Ilyas, 1999).

Akhlak remaja boleh dibentuk dan dikembangkan menjadi baik melalui kaedah mujahadah (perjuangan) dan riyadah (latihan). Walau bagaimanapun, untuk membentuk akhlak yang baik memerlukan kepada beberapa prinsip berikut ini; (1) kekuatan ilmu pengetahuan, iaitu dapat membezakan secara terang antara hak dan batil sesuatu perbuatan, (2) dapat mengendalikan marah dan nafsu. Pada asasnya marah dan nafsu syahwat dapat dikawal dan kedua-dua ini akan dikendalikan mengikut kebagusan akal dan kekuatan pendidikan agama. Jika marah dan nafsu syahwat boleh tunduk dan dikawal oleh akal dan agama, marah akan bertukar menjadi keberanian (syaja'ah) dan nafsu syahwat pula bertukar menjadi iffah iaitu penjagaan diri yang baik berasaskan dengan akal dan agama (Al-Ghazali, 1988).

Ini bermakna, bahawa induk kepada akhlak yang baik adalah terletak pada kekuatan ilmu agama dan cara berfikir yang baik. Oleh itu, jika remaja lemah akalunya dan lemah pendidikan agamanya, maka tingkah laku remaja akan dikendalikan oleh nafsu amarahnya, maka pendidikan akhlak untuk remaja sangatlah penting, kerana ianya dapat menambahbaik keadaan seseorang, sama ada menambah baik antara dirinya dengan Allah, menambahbaik hubungan sosial sama ada dengan masyarakat persekitaran, kerajaan, dan hubungan dengan manusia lain, dan menambah baik akidah dan garis panduan hidup (Ahmad Daudy, 1986). Manakala untuk mendapatkan remaja seperti yang telah dibahaskan itu, mereka mesti dididik dan dibimbing dalam semua aspek sama ada aspek luaran mahupun dalaman (Muhammad Nur, 1988).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat difahami bahawa kebiasaan yang berlaku akan menjadi akhlak terhadap seseorang. Jika proses tumbesaran remaja disertai dengan tabiat buruk, akhlak remaja akan menjadi buruk. Kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja adalah akibat daripada tingkah laku yang buruk dan sudah tentu mereka mempunyai tabiat buruk sebelum kehamilan itu berlaku. Ini menunjukkan bahawa pendidikan akhlak mereka sangat kurang sama ada di dalam lingkungan keluarga, sekolah mahupun masyarakat persekitaran. Justeru, sekiranya isu ini dianggap penting untuk diselesaikan, maka semua pihak harus lebih menumpukan usaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan remaja dalam setiap celah kehidupan mereka khususnya pendidikan akhlak.

b. Meningkatkan Bimbingan dan Kawalan Ibu Bapa

Ibu bapa adalah guru terpenting dan pertama yang memberikan pendidikan kepada anak remaja dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap proses pertumbuhan dan perkembangan mereka. Remaja sangat memerlukan bimbingan daripada ibu bapanya agar mereka dapat menjalankan kehidupan dengan baik. Dalam hal ini, terutamanya adalah bagi perempuan remaja agar dapat mengelakkan diri daripada pelbagai pengaruh rakan sebaya dan persekitaran mereka. Kualiti pendidikan moral, tingkah laku dan keperibadian ibu bapa turut mempengaruhi pendidikan anak-anak khususnya perempuan remaja.

Ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat dan serius dalam memberikan pembelajaran yang baik kepada generasi remaja dan mendekati mereka dengan rasa kasih sayang yang tinggi, kerana mereka akan berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa remaja, pertama ialah cabaran dalam ciri-ciri remaja seperti rasa ingin tahu yang kuat, penolakan, kecenderungan menderhaka kepada perintah ibu bapa, ingin hidup bebas, suka mencela, berbalah terutama dalam hal agama, bahkan hingga meragukan kebenaran agama. Cabaran yang kedua, ramai musuh Islam yang tidak henti-henti meminggirkan generasi muda daripada agama dengan menggunakan kaedah mempengaruhi generasi remaja, bersamaan memperdaya mereka untuk melintasi jurang kesesatan. Cabaran yang ketiga pula, musuh Islam akan berusaha memuat perkara negatif seperti seks mahupun lucah secara bebas dan tidak terhad melalui kemajuan media komunikasi, maklumat sama ada dalam bentuk cetak mahupun elektronik (Hannan, 2007).

Masa remaja merupakan masa peralihan yang perlu dilalui oleh setiap manusia menuju alam dewasa. Keadaan ini terdedah kepada perubahan emosi, maka perlindungan khas diperlukan untuk perkembangan emosi remaja perempuan, seperti perlindungan dengan memberikan rasa selamat dan selesa terhadap mereka. Ibu bapa mesti dapat memberi arahan kepada anak-anak mereka untuk melakukan tindakan positif dan mengelakkan segala aktiviti yang tidak berfaedah, bersamaan tingkah laku sosial juga mesti diterapkan kepada kanak-kanak perempuan. Manakala pendidikan dan bimbingan yang mesti diberikan oleh ibu bapa di

rumah ialah:

- (1) Pandai menempatkan diri dalam semua keadaan tanpa melupakan fitrahnya sebagai seorang wanita.
- (2) Menjaga sikap dan tingkah laku serta berpakaian sopan ketika berinteraksi dengan orang ramai.
- (3) Sentiasa menundukkan pandangan apabila berjumpa dengan berlainan jantina tanpa memberi kesan sombong.
- (4) Sentiasa ingatkan mereka bahawa berkawan dengan berlainan jantina adalah perbuatan yang tidak baik dalam Islam, malahan perbuatan itu adalah merosakkan maruah agama dan keluarga.

Jika setiap nasihat ini dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali dalam satu minggu, maka anak remaja perempuan akan lebih mengambil peduli nasihat ibu bapa mereka berbanding mengikuti pengaruh negatif daripada rakan sebaya mereka. Walau bagaimanapun, dalam memberikan pendidikan dan bimbingan kepada anak remaja di rumah, ibu bapa perlu melaksanakan perkara berikut ini:

- (1) Mengurangkan berat badan berlebihan kepada remaja perempuan.
- (2) Meningkatkan interaksi melalui komunikasi dua hala, ibu bapa dan anak-anak.
- (3) Peningkatan disiplin dalam pelbagai bidang kehidupan, ibu bapa dalam menjalankan semua fungsi keluarga, termasuk fungsi keagamaan, fungsi pendidikan, fungsi keselamatan, fungsi ekonomi dan fungsi sosial, perlu berlandaskan penerapan disiplin terkawal untuk mengawal akhlak atau tingkah laku anak remaja.
- (4) Mempunyai pengetahuan yang mencukupi, wawasan luas dan paling penting pemahaman agama. Ibu bapa juga mesti mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat 9, tafsirnya:

Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang apabila meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.

c. Memperkasakan Pendidikan Kesihatan dan Undang-Undang di Institusi Pendidikan

Pendidikan yang rendah ialah antara faktor yang menyebabkan remaja hamil di luar perkahwinan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Apabila membincangkan tentang isu yang berkaitan dengan pendidikan, sudah tentu ini berkaitan dengan kualiti pendidikan dan kurikulum yang dilaksanakan di institusi pendidikan, kerana setiap proses pendidikan lebih banyak berlaku di institusi pendidikan berbanding di rumah walaupun rumah adalah tempat di mana remaja mempunyai lebih banyak masa.

Tempat pengajian merupakan institusi pendidikan yang disusun secara terancang dan sistematik. Kewujudan institusi pendidikan adalah lanjutan daripada ibu bapa dan masyarakat, serta bertanggungjawab bersama untuk melahirkan generasi pemimpin negara yang bertakwa dan berakhlak mulia. Pelaksanaan pendidikan di institusi ini adalah di bawah tanggungjawab pendidik (guru). Institusi pendidikan merupakan perantara yang mempunyai pengaruh besar terhadap pelaksanaan pendidikan. Selain meluaskan tanggungjawab ibu bapa, kewujudannya juga berperanan sebagai *agent of culture* sama ada dalam membantu pelajar bergaul dengan rakan sebaya mahupun dalam persekitaran masyarakat (Samsul Nizar, 2008).

Dalam masalah ini, pendidik (guru) mestilah mempunyai rasa tanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang rasional. Manakala pendidikan rasional pula ialah pembangunan kesedaran, pembangunan budaya dan pengajaran, maka para pendidik hendaklah sentiasa menumpukan sepenuh perhatian dan mengikuti perkembangan tingkah laku remaja di sekolah, memantau mental dan sosial mereka, bersamaan bertanya tentang situasi pendidikan jasmani dan kebolehan saintifik mereka (Nashih Ulwan, 1999). Walau bagaimanapun, memperkasakan pendidikan tentang kesihatan remaja termasuk pendidikan bahaya seks bebas merupakan satu usaha yang amat berkesan dalam masalah mengurangkan isu kehamilan remaja di luar perkahwinan, bersamaan pendidikan tersebut adalah upaya untuk meningkatkan kecerdasan remaja dalam melindungi diri sendiri dan menjaga maruahnyanya sebagai makhluk yang suci dan mulia.

Oleh itu, pendidikan tentang kesihatan dan bahaya seks bebas adalah perlu dijadikan sebagai kurikulum di setiap institusi pendidikan baik di peringkat menengah mahupun di peringkat universiti. Selain itu, Sosialisasi mengenai risiko dari sudut undang-undang dan syarak juga amat penting dijalankan dan diperkasakan di dalam institusi pendidikan. Kerana jika remaja sentiasa diberi maklumat tentang cara menjaga kesihatan, cara mengelakkan diri daripada pengaruh negatif persekitaran bersamaan telah mendapat maklumat risiko dari sudut undang-undang dan syarak berkaitan isu hamil di luar perkahwinan, maka secara automatik fikiran mereka akan mengingat kepada maklumat yang telah diberikan apabila berhadapan dengan cabaran sosial di dalam persekitaran mereka.

d. Pemerksaan Pertubuhan Bukan Kerajaan

Menyedari bahawa remaja hari ini adalah pemimpin di masa hadapan (Saadah, 2009) maka keperibadian mereka harus dipupuk sejak kecil. Dalam mencari jati diri, remaja sentiasa menghadapi pergolakan dan cabaran dalam diri sendiri seperti perasaan cinta dan ingin disayangi memunculkan pelbagai perasaan emosi yang disebabkan oleh perubahan kritikal dalam pemikiran, perasaan, personaliti dan hubungan sosial (Court & Givon, 2003) dan peningkatan perkembangan seksual (Glasier, 2006). Menyentuh dari sudut pendidikan pula, negara mestilah mewujudkan lebih banyak program pendidikan berteraskan remaja dan mengambil penting untuk menyusun materi-materi pembelajaran yang boleh menjadi pegangan bagi remaja dalam melindungi diri dan menjaga maruah diri serta mampu mengelakkan berlakunya kes kehamilan di luar perkahwinan.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan utamanya dalam kalangan remaja, malahan peranan NGO sangat membantu pihak kerajaan dan masyarakat dalam mengurangkan kes remaja hamil di luar perkahwinan. Sekurang-kurangnya NGO dapat menjalankan program atau aktiviti yang memberikan maklumat kepentingan menjaga kehormatan diri dan program kepimpinan remaja yang mengandungi masalah menjaga kesihatan dan keselamatan.

Dalam ajaran Islam, terdapat tiga perkataan yang saling melengkapi dalam merealisasikan maruah diri seseorang iaitu *izzah* (kemuliaan diri), *muru'ah* (menjaga kehormatan), dan *iffah* (menahan diri). Ketiga-tiga perkataan ini saling berkaitan dan berterusan. *Izzah* bermaksud keagungan, kehormatan dan kekuatan. *Izzah* mesti ada dalam hati setiap diri remaja, yang diperoleh dengan cara mendekati diri kepada Allah. *Muru'ah* ialah menjaga tingkah laku sehingga kekal dalam keadaan yang terbaik, supaya tidak menimbulkan kemudaratan dan tidak patut dibenci. Manakala *'iffah* pula ialah kebolehan yang ada pada manusia untuk melawan desakan hawa nafsunya. *'Iffah* ialah satu kebajikan yang ada pada manusia apabila mereka mampu mengawal nafsunya dengan akal yang waras. Daripada akhlak *'iffah* itu

lahirlah akhlak yang mulia seperti sabar, *qana'ah*, adil, jujur, pemurah, bersopan santun dan lain-lain tingkah laku yang terpuji. Keistimewaan *'iffah* itulah yang menjadikan manusia mulia.

Menjaga kehormatan diri ialah sebahagian daripada tanda-tanda orang beradap (Al-Ghazali, t.t). Pendidikan tentang menjaga kehormatan bagi remaja adalah penting untuk menyedarkan mereka tentang tanggungjawab menjaga harga diri. Ini selari dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tafsirnya: *Sesiapa yang berusaha menjaga kehormatannya, Allah akan menjaga kehormatannya, dan sesiapa yang merasa dia cukup, Allah akan memberinya kecukupan* (al-Bukhari, No. 1427). Kehamilan di luar perkahwinan yang lazimnya berlaku pada usia awal mendatangkan risiko serius kepada remaja yang masih belum cukup matang untuk menerima proses kehamilan dan bersalin, emosi mereka tidak stabil dan mudah tertekan, malahan kecacatan kelahiran boleh timbul akibat tertekan semasa mengandung, terutama jika terdapat perasaan penolakan atas kehamilannya (Ningsih, 2021). Kehamilan tanpa persiapan dan kesediaan fizikal dan mental pula akan membawa pelbagai akibat seperti penguguran, penularan HIV/AIDS, perkahwinan awal.

Oleh itu, pendidikan kesihatan remaja perempuan perlu dijalankan. Mereka mesti diberi maklumat tentang menjaga kesihatan diri melalui komunikasi, maklumat dan pendidikan (KMP) serta kaunseling yang dijalankan oleh NGO mahupun pihak badan kesihatan negara. Pendidikan kesihatan yang sesuai, remaja dapat mengawal diri sendiri daripada tingkah laku seksual yang berisiko. Pemerksaan remaja adalah usaha bersepadu, menyeluruh dan mampan untuk meningkatkan wawasan, kesedaran, perhatian dan kapasiti institusi masyarakat dalam memainkan peranan aktif dalam membangunkan pemerksaan remaja perempuan (Maryati, 2019).

KESIMPULAN

Kehamilan di luar perkahwinan dalam kalangan remaja merupakan kehamilan yang berlaku pada remaja usia baligh menurut syarak, iaitu antara usia 9-15 tahun. Sementara punca kehamilan mereka ialah kerana pendidikan yang rendah, kurang pengamalan agama, institusi keluarga yang lemah, pengaruh rakan sebaya, dan salah guna media internet. Tiga skop pendidikan yang perlu diperkasakan untuk membendung kes hamil di luar perkahwinan dalam kalangan remaja, iaitu memperkasakan pendidikan dalam institusi keluarga, memperkasakan pendidikan di tempat pengajian dan memperkasakan pendidikan dalam persekitaran masyarakat. Manakala cadangan yang boleh digunakan untuk mengurangkan isu kehamilan remaja ialah memperkasakan pendidikan akhlak, pendidikan kesihatan, pendidikan bahaya seks bebas bersamaan membincangkan risiko dari sudut syarak dan undang-undang berkaitan pelanggaran jenayah dalam kalangan remaja.

RUJUKAN

Buku

- Abdullah Nashih Ulwan. (1999). *Pendidikan Anak dalam Islam 2*. Jakarta: Pustaka Amami. h. 275-301.
- Ahmad Daudy. (1986). *Kuliah Filsafat Islam*. Jakarta: Bulan Bintang. h. 35.
- Ahmad Warson Munawwir. (1984). *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia*. Surabaya: Pustaka Progressif. ed. 2, h. 1015.
- A. Syamsudin Meliala dan E. Sumaryono. (1998). *Kejahatan Anak Suatu Tinjauan dari Psikologis dan Hukum*. Yogyakarta: Liberty. h. 31.

- al-Bukhari. No. 1427.
- Al-Ghazali. (t.t). *Al-Adab fiddin*. Kairo: Al-Maktabah At-Taufiqiyyah. h. 434.
- Al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulum Al-Din*. Jilid 1. Terj. TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional. h. 1035-1037.
- Hannan Athiyah Ath-Thuri. (2007). *Mendidik Anak Perempuan di Masa Remaja*. Terj. Aan Wayudin. Jakarta: Amzah. h. 8.
- Iman Abu Gharbiyah, (2007). *At-Tathawwurmin al-Thufulah hatta al-Murahaqah*. Urdun: Dar al-Jarid. h. 174-175.
- Khalid ibn Salim. (t.t). *Al-Murahaqah Musykilat Wa Hulul*. Aman: Maktabah al-Dhamiri li al-Nasyriwa al-Tauzi', h. 13.
- Kartini Kartono. (2007). *Psikologi Wanita 2 Mengenal Wanita Sebagai Ibu dan Nenek*. Bandung: CV Mandar Maju. h. 265.
- Muhammad Jawwad Mughniyyah. *al-Ahwal asy-Syakhsiyyah*, h. 16.
- Muhammad Nawawi Al-Jawi. (2008). *Kaasyifatus Sajaa*. Jakarta: Darul Kutub Islamiyah. h. 31.
- Muhammad Umar al-Hajj. (2007). *Dunya al-Murahaqah*. Suriah: Dar al-Maktabi. h. 20-21.
- Muhammad Ali al-Shabuny. (1999). *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 153.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti. (1976). *Masalah Tahdid al-Nasl*. Damsyik: Maktabah al-Farabi. Cet. 2, h. 127.
- Muhammad Nur Abdul Hafizh. (1988). *Mendidik Anak Bersama Rasulullah*. Jakarta: Al-Bayan. h. 17.
- Ningsih. (2021). *Kesehatan Reproduksi Remaja*. Bandung: Media Sains Indonesia. h. 47.
- United Nations Population Fund. (2015). *Girlhood, not motherhood: Preventing adolescent pregnancy*. New York: UNFPA
- Pusat Bahasa Depertemen Pendidikan Nasional. (2008). *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa. h. 1191.
- Salim bin Sumair Al-Hadlrami. (2009). *Safinatun Najah*. Beirut: Darul Minhaj. h. 17.
- Samsul Nizar. (2008). *Memperbincangkan Dinamika Intelektual dan Pemikiran Hamka tentang Pendidikan Islam*. Prenada Media Group. Jakarta. h. 147.
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 120.
- Sully EA, Biddlecom A, Daroch J, Riley T, Ashford L, Lince-Deroche N et al., (2020). *Adding It Up: Investing in Sexual and Reproductive Health 2019*. New York: Guttmacher Institute.
- Yunahar Ilyas. (1999). *Kuliah Akhlaq*. Yogyakarta: LPPI. h. 12

Jurnal dan Artikel

- Anisa Putri Alifah, Nurliana Cipta Apsari, Budi Muhammad Taftazani. (2021). Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Hamil Di Luar Nikah. *Jurnal Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat (JPPM)*. 2 (3), h. 529-537.
- Anna Glasier, Metin Gülmezoglu, George P Schmid, Claudia Garcia Moreno & Paul FA Van Look. (2006). Sexual and reproductive health: A matter of life and death. *Jurnal The Lancet*. DOI: 10.1016/S0140-6736(06)69478-6
- Azizah Mat Rashid, et al. (2021). Aplikasi Kaedah Sadd Al-Dhara'i dalam Mengekang Perseputuhan Luar Nikah: Analisis terhadap Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*. 43 (Isu Khas), ISSN: 0216-5636
- Court, D., & Givon, S. (2003). Group intervention: Improving social skills of adolescents with learning disabilities. *Teaching Exceptional Children. Jurnal Institute of Education Sciences*. 36 (2), h. 50-55.
- Desale Bihonegn Asmamaw, Tesfahun Zemene Tafere and Wubshet Debebe Negash. (2023).

- Prevalence of Teenage Pregnancy and its Associated Factors in High Fertility sub-Saharan Africa Countries: a Multilevel Analysis. *Journal BMC Women's Health*. 23 (23).
- Hizlinda et al. (2021). Voices of Young Mothers on Relational Issues Leading to Out-of-Wedlock Pregnancy and its Protective Measures: A Qualitative Exploration. *IJUM Medical Journal Malaysia*. 20 (1). ISSN: 1823-4631
- Fitria Zuhriyatun, Puji Hastuti, Rusmini, Walin. (2023). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kehamilan Remaja. *Jurnal Ners: Research & Learning in Nursing Science*. 7 (2), h. 1346 -1353.
- Ganchimeg T, Ota E, Morisaki N, et al. (2014). Pregnancy and Childbirth Outcomes Among Adolescent Mothers: A World Health Organization Multicountry Study. *BJOG: An International Journal of Obstetrics & Gynaecology*. 121 Suppl 1:40-8. 10.1111/1471-0528.12630
- Jolley S. (2001). Promoting teenage sexual health: An Investigation into the Knowledge, Activities and Perceptions of Gynaecology Nurse. *Journal of Advanced Nursing*. 36 (2), h. 246-255.
- Li Ping Wong. (2012). An Exploration of Knowledge, Attitudes and Behaviours of Young Multiethnic Muslim-majority Society in Malaysia in Relation to Reproductive and Premarital Sexual Practices. *BMC Public Health*. 12 (865).
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor Penglibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 4 (2), E-ISSN 2550-1992.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman, Muhammad Yusuf Marlon. (2020). Implikasi Dialami Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*. 13 (2), h. 71-78
- Marris R. Reyes, Benilda M. Hangdaan, Kristine Mae C. Sadang, Marilyn G. Pasion. (2022). Start Of a Life Health Risk, Struggles and Coping as Experienced Teenage Mothers. *International Journal of Public Health Science (IJPHS)*. 11 (2), h. 479-489.
- Mas Nooraini et all, (2022). Faktor Kehamilan Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja Di Negara Brunei Darussalam. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. Vol. 13, E-ISSN: 2948-5045
- Maryati. (2019). Pemberdayaan Remaja Dalam Optimalisasi Kesehatan Reproduksi Remaja Di Desa Sukamandi Dan Cicadas Kecamatan Sagalaherang Kabupaten Subang. Dharmakarya. *Jurnal Aplikasi Ipteks untuk Masyarakat*. 1 (1), h. 14 -19
- Mega Ainun Nasyicha. (2018). *Pandangan Masyarakat Terhadap Nikah Hamil Akibat Pergaulan Bebas: Studi di Desa Sumberpetung, Kalpire, Malang*. Tesis Syariah. Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon, Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2017). Hubungan Di Antara Perapatan Ibu Bapa-Anak Dan Estim Diri Dengan Sikap Tingkah Laku Seksual Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 31 (2), h. 57-67.
- Novy Ramini Harahap, Rauda, Pratiwi Nasution, Fitri Neliza, (2022). Perilaku Seks Pranikah Pada Siswa Di Sma Negeri Ii Tapaktuan. *Jurnal Ilmiah Kesehatan dan Kebidanan*. 5 (2), h. 623-046.
- Saadah Sumrah. (2009). *Pola Kecenderungan Perlakuan Seksual Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah Daerah Kulai Jaya*. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salina Nen dan Farah Hidayah Hashim. (2020). Cabaran Menyesuaikan Diri Sebagai Ibu Muda Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah: Satu Kajian Kualitatif. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 34 (2), h. 39-52
- Siti Fatimah dan Andari Wuri Astuti, (2022). The Experiences of Adolescent Pregnancy in

- Developing Countries, *Jurnal Aisyah: Jurnal Ilmu Kesehatan*. 7 (2), h. 575–586.
- Somsri Khasan and Purin Naksing. (2023). Sexuality and Motherhood of Adolescent Mothers with Repeat Pregnancy in Uttaradit Province. *Journal of Roi Kaensarn Academi*. 8 (5), E-ISSN: 2697-5033.
- Somsri Khasan and Purin Naksing. (2023). Sexuality and Motherhood of Adolescent Mothers with Repeat Pregnancy in Uttaradit Province. *Journal of Roi Kaensarn Academi*. 8 (5), E-ISSN: 2697-5033.

Laman sesawang

- Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional. (2021). *Remaja, Ingat Pahamiilah Kesehatan Reproduksi Agar Masa Depan Cerah dan Cegah Penyakit Menular Seksual*. <https://www.bkkbn.go.id>.
- Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia. (2023). *Kasus Anak Hamil di Luar Nikah Sudah Darurat*. <https://www.dpr.go.id>.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *4,000 Remaja Bawah 18 Tahun Hamil Setiap Tahun*. <https://www.jkm.gov.my>.
- Konteks. (2023). *Setiap Hari di Malaysia 28 Remaja Hamil di Luar Nikah*. <https://www.konteks.co.id/>
- Borneo Bulletin. (2022). *Angka Kehamilan Remaja Bengkak*. <https://borneobulletin.com.bn/teenage-pregnancy-figures-swelling-2/>
- United Nations. (2019). *World Population Prospects, 2019*. https://population.un.org/wpp/publications/files/wpp2019_databooklet.pdf
- Wahbah al-Zuhaily, (t.t). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juzuk. VI. Maktabah Syamilah Versi 3.61. h. 4473.
- World Health Organization. (2023). *Adolescent Pregnancy*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/adolescent-pregnancy#:~:text=Overview,levels%20between%20and%20within%20countries>.